

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 96**

**TANDA-TANDA DAGANGAN**

**PENYUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**Permulaan**

1. Gelaran pendek
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

Tanda perniagaan, tanda harta dan tanda-tanda lain

3. Tanda perniagaan
4. Tanda harta
5. Menggunakan suatu tanda perniagaan yang palsu
6. Menggunakan suatu tanda harta yang palsu

7. Hukuman kerana menggunakan tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu
8. Memalsukan tanda perniagaan atau tanda harta digunakan oleh orang lain
9. Memalsukan sesuatu tanda yang digunakan oleh pegawai kerajaan
10. Apa yang menjadikan pemalsuan tanda perniagaan dan atau tanda harta. Beban untuk membuktikannya
11. Membuat atau mempunyai sebarang alat bagi memalsukan sesuatu tanda perniagaan atau tanda harta
12. Mengimport atau menjual, dsb., barang-barang yang ditandakan dengan suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu
13. Membuat suatu tanda palsu di atas mana-mana bekas yang mengandungi barang-barang
14. Hukuman kerana mempergunakan mana-mana tanda palsu demikian
15. Merosakkan tanda harta dengan tujuan untuk menyebabkan bencana
16. Panji-panji, Bendera atau lambang-lambang lain Negara Brunei Darussalam
17. Mengimport atau menjual, dsb., barang-barang yang mempunyai tanda perniagaan yang dilarang

### BAHAGIAN III

#### Keterangan-Keterangan Perniagaan

18. Syarat-syarat tambahan kepada tafsiran keterangan perniagaan yang palsu
19. Penggunaan keterangan-keterangan perniagaan

20. Penggunaan keterangan perniagaan yang palsu adalah menjadi suatu kesalahan
21. Pengimportan, jualan, dsb., barang-barang kepada mana sesuatu keterangan palsu digunakan adalah suatu kesalahan
22. Mengecap panjangnya barang-barang yang berkeping
23. Pengenaan Akta kepada jam-jam tangan

#### BAHAGIAN IV

##### Menyalahi Undang-Undang Dengan Tidak Senghaja

24. Menyalahi undang-undang dengan tidak senghaja

#### BAHAGIAN V

##### Perampasan Barang-Barang

25. Perampasan barang-barang

#### BAHAGIAN VI

##### Tatacara

26. Keterangan tanda perniagaan dalam surat guaman, dsb.
27. Aturan-aturan mengenai bukti keterangan
28. Kos
29. Sekatan

30. Waran memeriksa
31. Hukuman kerana bersubahat di Brunei bagi perbuatan yang dilakukan di luar Brunei
32. Mengkompaun kesalahan-kesalahan

## BAHAGIAN VII

### Rampaian

33. Jaminan yang disifatkan ada
  34. Syarat-syarat tidak boleh dikenakan dalam kes-kes yang tertentu. Pernyataan yang mengelirukan mengenai negeri asal
  35. Pengecualian
  36. Tanggungan pengarah dan pegawai-pegawai sesebuah syarikat
  37. Hukuman
  38. Pembicaraan kesalahan-kesalahan
-

**AKTA TANDA-TANDA DAGANGAN**

**Suatu Akta yang berhubung dengan tanda-tanda tipuan dalam dagangan**

19 tahun  
1953  
7 tahun  
1956  
G.N.E. 29/56  
S. 99/59

*Permulaan kuatkuasa.: 7hb. Oktober 1953*

**BAHAGIAN I**

## Permulaan

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Tanda-Tanda Dagangan.

Gelaran pendek

2. Dalam Akta ini —

Tafsiran

“tanda perniagaan” bermakna suatu tanda perniagaan yang dilindungi oleh undang-undang di Negara Brunei Darussalam ;

“keterangan dagangan” bermakna mana-mana keterangan, pernyataan atau tanda-tanda lain, secara langsung atau tidak langsung,

(a) mengenai bilangan, jumlah, sukatan, ukuran atau beratnya mana-mana barang ;

(b) mengenai tempat atau negeri dalam mana mana-mana barang dibuat atau dikeluarkan ;

(c) mengenai cara perkilangan atau pengeluaran mana-mana barang ;

(d) mengenai dengan bahan daripada mana mana-mana barang dijadikan ;

(e) mengenai mana-mana barang yang menjadi perkara bagi suatu jaminhak, kemudahan atau hakcipta yang ada ;

(f) mengenai peringkat kebagusan barang-barang emas dan perak :

dan penggunaan mana-mana angka, perkataan atau tanda yang mana, menurut kebiasaan dagangan, adalah biasanya diambil sebagai suatu tanda bagi mana-mana perkara yang tersebut di atas, hendaklah dianggap sebagai suatu keterangan dagangan dalam bidang makna Akta ini ;

“keterangan perniagaan yang palsu” bermakna suatu keterangan dagangan yang mana adalah palsu dalam aspek yang penting berhubung dengan barang-barang kepada mana ianya digunakan, dan termasuk setiap perubahan bagi suatu keterangan perniagaan, samaada secara tambahan, penghapusan atau sebaliknya, jika perubahan itu membuat keterangan tersebut palsu dalam suatu aspek yang penting, dan kenyataan bahawa suatu keterangan perniagaan adalah tanda perniagaan atau sebahagian daripada tanda perniagaan tidak akan menghalang keterangan perniagaan sebagai suatu keterangan perniagaan yang palsu di dalam bidang makna Akta ini ; suatu keterangan perniagaan yang bermakna atau bermaksud bahawa ada terkandung dalam mana-mana barang kepada mana ianya dikenakan lebih banyak ela, kaki atau inci daripada apa yang ada terkandung di dalam ela piawai, kaki piawai atau inci piawai, atau lebih pikul, paun atau auns daripada pikul piawai, paun piawai atau auns piawai atau sukatan-sukatan metrik yang sebanding, adalah suatu keterangan perniagaan yang palsu ;

“barang-barang” bermakna apajua barang yang menjadi perkara perniagaan, perkilangan atau dagangan ;

“orang”, “pekilang, peniaga atau pedagang” dan “tuan punya” termasuk mana-mana kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan ;

“nama” termasuk mana-mana singkatan bagi suatu nama.

## BAHAGIAN II

### Tanda Perniagaan, Harta dan Tanda-Tanda Lain

3. Sesuatu tanda yang digunakan untuk memberi makna bahawa barang-barang adalah perkilangan atau dagangan seseorang yang tertentu adalah dipanggil tanda perniagaan. Tanda perniagaan
  
4. Sesuatu tanda yang digunakan bagi memberi makna bahawa harta alih kepunyaan seseorang yang tertentu adalah dipanggil tanda harta. Tanda harta
  
5. Sesiapa jua yang menandakan mana-mana barang atau mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain yang mengandungi barang-barang, atau menggunakan mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain dengan sebarang tanda di atasnya, dengan cara yang dikira munasabah untuk menyebabkan ianya untuk dipercayai bahawa harta atau barang-barang yang ditandakan sedemikian, atau mana-mana barang yang terkandung dalam mana-mana bekas yang ditandakan sedemikian, adalah perkilangan atau dagangan seseorang yang mana adalah bukan tanda perkilangan atau dagangan mereka, adalah dikatakan sebagai menggunakan suatu tanda perniagaan yang palsu. Menggunakan suatu tanda perniagaan yang palsu
  
6. Sesiapa jua yang menandakan mana-mana harta alih atau barang-barang atau mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain yang mengandungi harta alih atau barang-barang, atau menggunakan mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain yang mempunyai sebarang tanda di atasnya, dengan cara yang dikirakan munasabah untuk menyebabkan ianya untuk dipercayai bahawa harta atau barang-barang yang ditandakan sedemikian, atau mana-mana harta atau barang-barang yang terkandung dalam mana-mana bekas tersebut Menggunakan suatu tanda harta yang palsu

yang ditandakan sedemikian kepunyaan seseorang kepada siapa ianya adalah bukan kepunyaannya, adalah dikatakan sebagai menggunakan suatu tanda harta yang palsu.

Hukuman kerana menggunakan tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu

7. Sesiapa jua yang menggunakan mana-mana tanda perniagaan yang palsu atau tanda harta yang palsu adalah, kecuali jika dia membuktikan bahawa dia berbuat tanpa niat untuk menipu, melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu tahun dan didenda.

Memalsukan tanda perniagaan atau tanda harta digunakan oleh orang lain

8. Sesiapa jua yang memalsukan mana-mana tanda perniagaan atau tanda harta yang digunakan oleh mana-mana orang lain adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 2 tahun dan didenda.

Memalsukan sesuatu tanda yang digunakan oleh pegawai kerajaan

9. Sesiapa jua yang —

(a) memalsukan mana-mana tanda harta yang digunakan oleh seseorang pegawai kerajaan, atau mana-mana tanda yang digunakan oleh seseorang pegawai kerajaan untuk memberi makna bahawa —

- (i) mana-mana harta telah dikilangkan oleh seseorang yang tertentu atau pada waktu atau di tempat yang tertentu ;
- (ii) harta tersebut adalah dari nilai yang tertentu atau telah melalui sesebuah pejabat yang tertentu ;
- (iii) ianya adalah berhak kepada sebarang pengecualian ; atau

(b) menggunakan sebagai yang betul mana-mana tanda tersebut sedangkan mengetahui bahawa tanda tersebut adalah palsu :

adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 tahun dan didenda.



10. (1) Seseorang hendaklah dianggap memalsukan suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang sama ada —

Apa yang menjadikan pemalsuan tanda perniagaan atau tanda harta. Beban untuk membuktikannya

(a) tanpa persetujuan tuan punya tanda perniagaan atau tanda harta tersebut membuat tanda perniagaan atau tanda harta atau sesuatu tanda yang seakan-akan menyerupai tanda perniagaan atau tanda harta itu sebagaimana yang dikira untuk mengelirukan ; atau

(b) memalsukan mana-mana tanda perniagaan atau tanda harta yang betul sama ada secara pengubahan, tambahan, penghapusan atau sebaliknya ;

dan mana-mana tanda perniagaan atau tanda harta yang dibuat atau dipalsukan sedemikian adalah dalam Akta ini disebut sebagai suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan bagi pemalsuan sesuatu tanda perniagaan atau tanda harta beban bagi membuktikan persetujuan dari tuanpunya hendaklah terletak kepada pihak kena tuntutan.

11. Sesiapa jua yang membuat atau mempunyai sebarang acuan kapit, plat atau alat lain bagi maksud memalsukan sesuatu tanda perniagaan atau tanda harta, atau mempunyai suatu tanda perniagaan atau tanda harga bagi maksud untuk memberi makna bahawa mana-mana barang adalah perkilangan atau dagangan seseorang yang mana adalah bukan tanda perkilangan atau dagangan mereka, atau bahawa ianya kepunyaan seseorang kepada siapa ianya adalah bukan kepunyaannya, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 tahun dan didenda.

Membuat atau mempunyai sebarang alat bagi memalsukan sesuatu tanda perniagaan atau tanda harta

Mengimport atau menjual, dsb., barang-barang yang ditandakan dengan suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu

12. Sesiapa jua yang mengimport, menjual atau mendedahkan atau mempunyai untuk jualan atau sebarang maksud bagi perniagaan atau perkilangan, mana-mana barang atau benda yang mempunyai suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu dibubuh atau dicap di atas barang-barang atau benda tersebut atau di atas mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain dalam mana barang-barang demikian terkandung, adalah, kecuali jika dia membuktikan bahawa —

(a) setelah mengambil semua tindakan yang munasabah untuk mencegah berlakunya sesuatu kesalahan di bawah bab ini, dia tidak, semasa berlakunya kesalahan yang dituduhkan, mempunyai sebarang sebab untuk mensyaki tentang betulnya tanda tersebut ; dan

(b) atas tuntutan yang dibuat oleh atau bagi pihak pendakwaan, dia memberi semua keterangan dalam kuasanya berhubung dengan orang-orang daripada siapa dia memperoleh barang-barang atau benda demikian ; atau

(c) sebaliknya dia telah berbuat dengan tidak bersalah ;

melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama satu tahun.

Membuat suatu tanda palsu di atas mana-mana bekas yang mengandungi barang-barang

13. Sesiapa jua yang membuat sebarang tanda palsu di atas mana-mana kotak, bungkusan atau bekas lain yang mengandungi barang-barang, dengan cara yang dikirakan munasabah yang menyebabkan sesiapa jua untuk mempercayai bahawa bekas tersebut mengandungi barang-barang yang mana adalah bukan kandungannya atau bahawa ianya tidak mengandungi barang-barang yang mana ianya ada mengandunginya atau bahawa barang-barang yang terkandung dalam bekas tersebut adalah berlainan sifat atau nilainya daripada sifat atau nilainya yang sebenarnya adalah, kecuali jika

dia membuktikan bahawa dia telah berbuat tanpa tujuan untuk menipu, melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 tahun dan didenda.

14. Sesiapa jua yang mempergunakan mana-mana tanda palsu tersebut dalam mana-mana cara yang dilarang oleh bab 13 adalah, kecuali jika dia membuktikan bahawa dia telah berbuat tanpa tujuan untuk menipu, melakukan suatu kesalahan dan dihukum seolah-olah dia telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab itu.

Hukuman kerana mempergunakan mana-mana tanda palsu demikian

15. Sesiapa jua yang mengalih, membinasa, mencacat atau menambah kepada mana-mana tanda harta, dengan tujuan atau mengetahui bahawa dengan itu dia boleh menyebabkan bencana kepada sesiapa jua, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 tahun dan didenda.

Merosakkan tanda harta dengan tujuan untuk menyebabkan bencana

16. Sesiapa jua yang menyebabkan atau membiarkan untuk dinyatakan ke atas mana-mana tanda perniagaan yang digunakan olehnya bagi maksud-maksud perniagaan atau perdagangannya sebarang gambaran Panji-Panji Negara Brunei Darussalam, Bendera atau lambang-lambang lain Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana alat yang seakan-akan menyerupainya sebagaimana yang mungkin membawa kesalahan, adalah kecuali jika tanda perniagaan tersebut dibenarkan untuk digunakan oleh Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Panji-panji, Bendera atau lambang-lambang lain Negara Brunei Darussalam

17. Sesiapa jua yang mengimport, menjual atau mendedahkan atau mempunyai untuk jualan atau mana-mana maksud perniagaan atau perkilangan mana-mana barang atau benda kepada mana suatu tanda perniagaan yang mempunyai sebarang gambaran yang dilarang oleh bab 16 dikenakan, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Mengimport atau menjual, dsb., barang-barang yang mempunyai tanda perniagaan yang dilarang

## BAHAGIAN III

## Keterangan-keterangan Perniagaan

Syarat-syarat tambahan kepada tafsiran keterangan perniagaan yang palsu

18. (1) Syarat-syarat dari Akta ini berhubung dengan penggunaan suatu keterangan perniagaan yang palsu kepada barang-barang atau berhubung dengan barang-barang kepada mana suatu keterangan perniagaan yang palsu digunakan hendaklah meluas kepada penggunaan barang-barang terdiri daripada mana-mana angka, perkataan, atau tanda, atau penyusunan atau rangkaiannya, sama ada termasuk sesuatu tanda perniagaan atau pun tidak, sebagaimana yang diperkirakan munasabah untuk membuat orang-orang percaya bahawa barang-barang tersebut adalah perkilangan atau dagangan seseorang selain daripada perkilangan atau dagangan orang yang sebenarnya, dan syarat-syarat tersebut hendaklah juga meluas kepada barang-barang kepada mana angka-angka, perkataan-perkataan, atau tanda-tanda, atau penyusunan atau rangkaiannya yang digunakan.

(2) Syarat-syarat dari Akta ini berhubung dengan penggunaan sesuatu keterangan perniagaan yang palsu kepada barang-barang atau berhubung dengan barang-barang kepada mana suatu keterangan perniagaan yang palsu digunakan, hendaklah meluas kepada penggunaan kepada barang-barang yang terdiri dari nama atau nama pendek seseorang yang palsu, dan kepada barang-barang dengan nama atau nama pendek seseorang yang palsu digunakan, dengan cara yang sama seolah-olah nama atau nama pendek tersebut adalah suatu keterangan perniagaan, dan bagi maksud Akta ini perbahasaannya “nama atau nama pendek” bermakna, sebagaimana yang digunakan kepada mana-mana barang, mana-mana nama atau nama pendek seseorang yang mana —

(a) adalah bukan suatu tanda perniagaan atau sebahagian daripada suatu tanda perniagaan ;

(b) adalah sama dengan atau tiruan yang berwarna bagi nama atau nama pendek seseorang yang menjalankan perniagaan berhubung dengan barang-barang yang terdiri daripada keterangan yang sama dan yang tidak dibenarkan untuk menggunakan nama atau nama pendek tersebut ; atau

(c) adalah sama ada dari seseorang yang direka atau orang-orang yang tidak boleh dipercayai menjalankan perniagaan berhubung dengan barang-barang tersebut.

19. (1) Seseorang hendaklah dianggap menggunakan suatu keterangan perniagaan kepada barang-barang yang mana —

Penggunaan  
keterangan-  
keterangan  
perniagaan

(a) menggunakannya kepada barang-barang itu sendiri ; atau

(b) menggunakannya kepada mana-mana tudung, label, gelendong atau benda lain dalam atau dengan mana barang-barang tersebut dijual atau didedahkan atau dipunyai bagi mana-mana maksud jualan, perniagaan atau perkilangan ; atau

(c) menempatkan, melampirkan atau menambah mana-mana barang yang dijual atau didedah atau dipunyai bagi sebarang maksud jualan, perniagaan atau perkilangan dalam, dengan atau kepada mana-mana tudung, label, gelendong atau benda lain kepada mana suatu keterangan perniagaan telah digunakan ; atau

(d) menggunakan suatu keterangan perniagaan dengan mana-mana cara yang dikirakan membawa kepada kepercayaan bahawa barang-barang tersebut berhubung dengan mana ianya digunakan adalah ditanda atau diterangkan oleh keterangan perniagaan itu.

(2) Perbahaasan “tudung” termasuk mana-mana penyumbat, tong kayu, botol, bekas, kotak, penutup, sarung, bingkai kotak atau pembungkus ; dan perbahaasan “label” termasuk mana-mana pita atau tiket.

(3) Sesuatu keterangan perniagaan hendaklah dianggap sebagai digunakan sama ada ianya dianyam, dicap atau sebaliknya disulam atau ditambah atau dilekatkan kepada barang-barang atau kepada mana-mana tudung, label, gendong atau benda lain.

(4) Barang-barang, yang dihantar menurut suatu permintaan yang dibuat oleh rujukan kepada sesuatu tanda perniagaan atau keterangan perniagaan yang dinyatakan dalam mana-mana tanda, iklan, invois, senarai wain, surat perniagaan, surat keterangan perniagaan atau perhubungan perdagangan yang lain, hendaklah, bagi maksud-maksud perenggan (d) dari ceraiian (1) dianggap sebagai barang-barang yang berhubung dengan mana tanda perniagaan atau keterangan perniagaan digunakan.

Penggunaan keterangan perniagaan yang palsu adalah menjadi suatu kesalahan

**20.** Sesiapa jua yang menggunakan mana-mana keterangan perniagaan yang palsu kepada barang-barang atau menyebabkan mana-mana keterangan palsu untuk digunakan kepada barang-barang adalah, tertakluk kepada Akta ini dan kecuali jika dia membuktikan bahawa dia berbuat tanpa tujuan untuk menipu, melakukan suatu kesalahan: hukuman, pada kesalahan pertama, dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$1,000, dan bagi kesalahan yang kedua dan kesalahan yang berikutnya, dipenjara selama satu tahun dan didenda.

Pengimportan, jualan, dsb., barang-barang kepada mana sesuatu keterangan palsu digunakan adalah suatu kesalahan

**21.** Sesiapa jua yang mengimport, melainkan untuk pemindahan dari sebuah kapal ke sebuah kapal yang lain atau dalam perjalanan kepada mana-mana tempat di luar Brunei tanpa membahagikan borong, menjual atau mendedah untuk, ada mempunyai untuk, jualan atau mana-mana maksud perniagaan atau perkilangan mana-mana barang atau benda kepada mana sesuatu keterangan perniagaan yang palsu digunakan,

adalah, kecuali jika dia membuktikan bahawa —

(a) setelah mengambil semua tindakan yang munasabah untuk mencegah berlakunya sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia tidak, pada ketika berlakunya kesalahan yang dituduhkan, mempunyai sebarang sebab untuk mensyaki tentang betulnya keterangan perniagaan tersebut ; dan

(b) atas tuntutan yang dibuat oleh atau bagi pihak pendakwa, dia memberi semua keterangan dalam kuasanya berhubung dengan orang-orang daripada siapa dia memperoleh barang-barang atau benda tersebut ; atau

(c) sebaliknya dia telah berbuat dengan tidak bersalah ;

melakukan suatu kesalahan : Hukuman bagi kesalahan pertama, dipenjarakan selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$1,000, dan bagi kesalahan kedua dan kesalahan yang berikutnya dipenjarakan selama satu tahun dan didenda.

**22.** Sesiapa jua yang mengimport, kecuali untuk peminjaman dari sebuah kapal ke sebuah kapal yang lain atau dalam perjalanan kepada mana-mana tempat di luar Brunei tanpa membahagikan borong, menjual atau mendedah untuk, atau mempunyai untuk, jualan atau mana-mana maksud perniagaan atau perkilangan mana-mana barang berkeping seperti yang biasanya dijual di Brunei secara panjangnya atau secara berkeping yang mana tidak dicap atau ditanda dengan nyata dalam angka di atas setiap keping tentang panjangnya dalam ela piawai atau dalam ela piawai dan suatu pecahan dari satu ela tersebut atau sukatan metriknya yang sebanding menurut panjang yang sebenarnya kepingan tersebut, adalah melakukan suatu kesalahan, kecuali jika dia membuktikan —

Mengecap panjangnya barang-barang yang berkeping

(a) bahawa setelah mengambil semua tindakan yang munasabah untuk mencegah berlakunya suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia tidak, pada waktu berlakunya kesalahan yang dituduh, mempunyai sebab untuk mensyaki bahawa panjangnya yang sebenarnya tidak dicap atau ditandakan sebagaimana yang dikehendaki oleh bab ini ; dan

(b) bahawa atas tuntutan yang dibuat oleh atau bagi pihak pendakwa, dia memberikan semua keterangan dalam kuasanya berhubung dengan semua orang daripada siapa dia memperolehi barang-barang kepingan tersebut.

Hukuman atas kesalahan pertama, dipenjarakan selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$1,000, dan bagi kesalahan kedua dan kesalahan yang berikutnya dipenjarakan selama satu tahun atau didenda sebanyak \$3,000.

Pengenaan  
Akta  
kepada jam-  
jam tangan

**23.** (1) Jika sesebuah kotak jam tangan mempunyai di atasnya sebarang perkataan atau tanda yang menjadikan, atau secara reputasi am dianggap sebagai menjadikan, suatu keterangan mengenai negeri dalam mana jam tangan tersebut dibuat, dan jam tangan tersebut tidak mempunyai keterangan mengenai negeri di mana ianya dibuat, perkataan-perkataan dan tanda-tanda itu hendaklah pada zahirnya dianggap sebagai suatu keterangan dari negeri itu di dalam bidang makna Akta ini, dan syarat-syarat dari Akta ini berhubung dengan barang-barang kepada mana suatu keterangan perniagaan yang palsu telah digunakan, dan berhubung dengan pengimportan, penjualan atau pendedahan bagi atau mempunyai untuk jualan atau mana-mana maksud barang-barang perniagaan atau perkilangan dengan suatu keterangan perniagaan yang palsu, hendaklah dikenakan dengan sewajarnya.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini perbendaharaan “jam tangan” bermakna semua bahagian sesebuah jam tangan yang mana adalah bukan kotak jam tersebut.



## BAHAGIAN IV

## Menyalahi Undang-Undang Dengan Tidak Senghaja

24. Jika seseorang dituduh di bawah bab 7 kerana menggunakan suatu tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu oleh kerana dia telah menggunakan suatu tanda kepada mana-mana barang, harta atau bekas dengan cara yang disebutkan dalam bab 5 atau 6, menurut mana-mana yang berkenaan, atau di bawah bab 20 kerana menggunakan kepada, atau menyebabkan untuk digunakan kepada, barang-barang mana-mana keterangan perniagaan yang palsu, atau di bawah bab 11 kerana membuat sebarang acuan kaput, plat atau alat lain bagi maksud memalsukan sesuatu tanda perniagaan, atau tanda harta, dan membuktikan bahawa —

Menyalahi undang-undang dengan tidak senghaja

(a) dalam perjalanan biasa perniagaan yang dikerjakannya, bagi pihak orang-orang lain, untuk menggunakan tanda-tanda perniagaan atau tanda-tanda harta, atau keterangan-keterangan perniagaan, menurut mana-mana yang berkenaan, untuk membuat acuan-acuan kaput, plat-plat atau alat-alat untuk membuat atau digunakan untuk membuat tanda-tanda perniagaan atau tanda-tanda harta, dan bahawa dalam kes yang mana adalah perkara tuduhan tersebut dia diambil bekerja sedemikian oleh seseorang yang menetap di Brunei dan tidak berminat dalam barang-barang tersebut dan benda lain dengan cara faedah atau komisen bergantung dengan jualannya :

(b) dia telah mengambil tindakan yang munasabah untuk mencegah berlakunya kesalahan yang dituduh ;

(c) dia tidak, pada waktu berlakunya kesalahan yang dituduh, mempunyai sebab untuk mensyaki tentang betulnya tanda atau keterangan tersebut ; dan

(d) dia memberikan kepada pendakwa semua keterangan dalam kuasanya berhubung dengan orang-orang bagi pihak siapa tanda atau keterangan tersebut digunakan ;

dia hendaklah dilepaskan daripada pendakwaan, tetapi hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kos yang dilakukan oleh pendakwa, kecuali jika dia telah memberi notis yang sepatutnya kepadanya bahawa dia bergantung kepada pembelaan yang tersebut di atas.

## BAHAGIAN V

### Perampasan Barang-Barang

Perampasan  
barang-  
barang

**25.** (1) Bila seseorang disabitkan kesalahannya di bawah bab 7 kerana menggunakan suatu tanda perniagaan yang palsu, atau di bawah bab 12 kerana mengimport, menjual, atau mendedahkan atau mempunyai untuk jualan atau mana-mana maksud perniagaan atau perkilangan, mana-mana barang atau benda dengan suatu tanda perniagaan yang palsu digunakan di atasnya, atau di bawah bab 13 atau bab 14 kerana membuat, atau mempergunakan, suatu tanda palsu, atau di bawah bab 20 atau 21 kerana menggunakan suatu keterangan perniagaan yang palsu kepada barang-barang atau kerana mengimport, menjual atau mendedahkan atau mempunyai untuk jualan atau mana-mana maksud perniagaan atau perkilangan, mana-mana barang atau benda kepada mana suatu keterangan perniagaan palsu digunakan, atau dibebaskan setelah membuktikan perkara atau perkara-perkara yang ditentukan dalam bab 12, 21 atau 24, Mahkamah yang mensabitkan kesalahannya atau yang membebaskannya boleh mengarahkan perampasan untuk diserahkan kepada Kerajaan semua barang-barang atau benda-benda secara, atau berhubung dengan, kesalahan yang telah dilakukan atau, tetapi dengan bukti yang disebutkan sebelum ini, yang mungkin akan dilakukan.

(2) Bila suatu perampasan diarahkan atas suatu sabit kesalahan dan suatu rayuan dibenarkan terhadap sabit kesalahan tersebut, suatu rayuan hendaklah dibenarkan juga terhadap perampasan.

(3) Bila suatu perampasan diarahkan atas suatu pembebasan dan barang-barang atau benda-benda kepada mana arahan tersebut berkaitan adalah bernilai lebih dari \$5,000, suatu rayuan terhadap perampasan boleh dibuat, dalam masa 7 hari dari tarikh arahan tersebut, kepada Mahkamah Tinggi.

## BAHAGIAN VI

### Tatacara

- 26.** Dalam mana-mana tuduhan, surat guaman, perbicaraan atau dokumen dalam mana mana-mana tanda perniagaan, tanda harta, tanda perniagaan atau tanda perniagaan yang palsu yang dimaksudkan untuk dibicarakan, hendaklah mencukupi, tanpa keterangan selanjutnya dan tanpa sebarang salinan atau salinan tepat, untuk menyatakan bahawa tanda perniagaan, tanda harta, tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu itu sebagai tanda perniagaan atau tanda harta atau tanda perniagaan atau tanda harta yang palsu.
- Keterangan tanda perniagaan dalam surat guaman, dsb.
- 27.** Dalam hal barang-barang yang diimport bukti keterangan dari pelabuhan perkapalan hendaklah menjadi bukti keterangan pada zahirnya dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini dari tempat atau negeri dalam mana barang-barang tersebut dibuat atau dikeluarkan.
- Aturan-aturan mengenai bukti keterangan
- 28.** Dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini Mahkamah boleh memerintah kos untuk dibayar kepada pihak kena tuntutan oleh pendakwa atau kepada pendakwa oleh pihak kena tuntutan, setelah mempertimbangkan keterangan yang diberi oleh dan masing-masing kelakuan pihak kena tuntutan dan pendakwa.
- Kos
- 29.** Pendakwaan tidak boleh dimulakan setelah tamatnya 3 tahun kemudian selepas berlakunya kesalahan tersebut, atau satu tahun kemudian selepas pendakwa mula-mula mengetahuinya, mana-mana tempoh yang tamat dahulu.
- Sekatan

Waran  
memeriksa

30. (1) Jika atas tuduhan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, sesebuah Mahkamah telah mengeluarkan sama ada suatu saman yang menghendaki pihak kena tuntutan yang dituduh dengan tuduhan demikian untuk hadir untuk menjawab tuduhan tersebut atau suatu waran bagi penangkapan pihak kena tuntutan tersebut, dan sama ada Mahkamah berkenaan ketika atau selepas mengeluarkan saman atau waran tersebut, atau mana-mana Mahkamah lain, berpuas hati dengan aduan setelah mengangkat sumpah, bahawa ada terdapat sebab yang munasabah untuk mensyaki bahawa mana-mana barang atau benda dengan cara atau berhubung dengan mana kesalahan demikian telah dilakukan adalah dalam mana-mana rumah atau bangunan pihak kena tuntutan, atau sebaliknya yang dipunyainya atau di bawah kawalannya di mana-mana tempat, Mahkamah tersebut boleh mengeluarkan suatu waran yang telah ditandatangani oleh Mahkamah dengan sebab mana sebarang pegawai polis yang dinamakan atau disebutkan dalam waran tersebut boleh memasuki rumah, bangunan, atau tempat demikian pada bila-bila waktu yang munasabah pada siang hari, dan memeriksa dan merampas dan mengambil barang-barang dan benda-benda tersebut.

(2) Mana-mana barang atau benda yang dirampas di bawah waran demikian hendaklah dihadapkan ke Mahkamah Majistret bagi maksud menentukan sama ada barang-barang atau benda-benda tersebut boleh atau tidak boleh dirampas di bawah Akta ini.

(3) Jika tuan punya mana-mana barang atau benda, yang boleh dirampas di bawah Akta ini, tidak diketahui atau tidak dapat ditemui, suatu tuduhan atau aduan boleh dibenarkan bagi maksud hanya untuk menguatkuasakan perampasan demikian, dan sesebuah Mahkamah Majistret boleh menyebabkan notis untuk diiklankan dengan menyatakan bahawa, kecuali jika sebab dibuktikan bagi yang sebaliknya pada waktu dan tempat yang dinamakan dalam notis tersebut, barang-barang atau benda-benda tersebut akan dirampas dan pada waktu dan di tempat demikian Mahkamah boleh, kecuali jika tuan punya atau sesiapa jua bagi pihak tuan punya,

atau orang lain yang berminat dalam barang-barang atau benda-benda tersebut, membuktikan sebab yang sebaliknya, memerintah barang-barang atau benda-benda tersebut atau mana-mana daripadanya untuk dirampas.

(4) Mana-mana barang atau benda yang dirampas di bawah bab ini, atau di bawah mana-mana syarat lain dari Akta ini, boleh dimusnahkan atau sebaliknya diselesaikan, dengan cara mana barang-barang dan benda-benda tersebut dirampas sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah.

(5) Mahkamah boleh, daripada mana-mana tindakan undang-undang yang dilaksanakan dengan penyelesaian barang-barang demikian, semua tanda-tanda perniagaan dan tanda-tanda harta dan keterangan-keterangan perniagaan yang mula-mula sekali dihapuskan, memberi kepada mana-mana pihak yang tidak bersalah mana-mana kerugian yang ditanggungnya dengan cara tidak bersalah dalam menggendalikan barang-barang tersebut.

**31.** Sesiapa jua yang, berada dalam Brunei bersubahat melakukan di luar Brunei mana-mana perbuatan, jika dilakukan di Brunei, adalah di bawah Akta ini menjadi suatu kesalahan yang boleh dibicarakan bagi subahat tersebut di mana-mana tempat di Brunei di mana dia ditemui, dan dari itu dihukum dengan hukuman kepada mana dia boleh dikenakan jika dia sendiri telah melakukan di tempat itu perbuatan yang disubahati.

Hukuman kerana bersubahat di Brunei bagi perbuatan yang dilakukan di luar Brunei

**32.** (1) Mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini selain daripada kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah bab 9, 13, 14, 16, 17 dan 22 daripadanya boleh dikompaun, atau jika sesuatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan demikian belum lagi selesai dikompaun dengan kebenaran Mahkamah dalam mana kes tersebut belum selesai.

Mengkompaun kesalahan-kesalahan

(2) Bila mana-mana kesalahan boleh dikompaun di bawah bab ini mengsubahati kesalahan demikian, atau sesuatu percubaan untuk melakukan kesalahan demikian bila percubaan tersebut sendirinya adalah suatu kesalahan, boleh dikompaun dengan cara yang sama.

(3) Bila orang yang sebaliknya layak untuk mengkompaun sesuatu kesalahan di bawah bab ini adalah seorang yang belum dewasa, bodoh atau gila atau hilang upaya dari sisi undang-undang mana-mana orang yang layak untuk membuat kontrak bagi pihaknya boleh mengkompaun kesalahan demikian.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah bab ini dengan kebenaran Mahkamah di mana kes tersebut belum lagi selesai, susunan demikian hendaklah berkuatkuasa bagi suatu pembebasan yang tertuduh berhubung dengan perkara-perkara yang dituduh terhadapnya :

Dengan syarat bahawa tiada apapun dalam bab ini boleh diertikan untuk memusnah, menyekat, melemahkan atau dalam apa jua cara menyentuh hak mana-mana orang lain yang tercela oleh perbuatan-perbuatan yang diadakan untuk memulakan dan mendakwa perbicaraan-perbicaraan jenayah atau sivil, atau kedua-duanya, terhadap orang tertuduh tersebut atau terhadap mana-mana orang berhubung dengan siapa mana-mana hak demikian wujud.

Penggal 22

(5) Syarat-syarat dari bab 213 dan 214 dari Kanun Hukuman Jenayah tidak meluas kepada mana-mana kes dalam mana kesalahan tersebut boleh dikompaun secara sah di bawah bab ini.

## BAHAGIAN VII

## Rampaian

**33.** Dalam jualan atau dalam kontrak bagi jualan mana-mana barang kepada mana sesuatu tanda perniagaan atau tanda atau keterangan perniagaan telah digunakan, penjual hendaklah dianggap untuk menjamin bahawa tanda tersebut adalah suatu tanda yang betul dan bukan palsu atau digunakan secara palsu, atau bahawa keterangan perniagaan tersebut adalah bukan suatu keterangan perniagaan yang palsu dalam bidang makna Akta ini, kecuali jika yang sebaliknya dinyatakan dalam tulisan yang ditandatangani oleh atau bagi pihak penjual tersebut, dan diserahkan pada waktu jualan atau kontrak kepada dan diterima oleh pembeli.

Jaminan yang di-sifatkan ada

**34.** (1) Jika pada tarikh berkuatkuasanya Akta ini, sesuatu keterangan perniagaan telah dengan sahnya dan amnya digunakan kepada barang-barang dari kelas yang tertentu atau dikilangkan dengan cara yang tertentu untuk menunjukkan kelas atau cara perkilangan barang-barang demikian, syarat-syarat Akta ini berhubung dengan keterangan perniagaan yang palsu tidak boleh dikenakan kepada keterangan perniagaan tersebut bila digunakan sedemikian.

Syarat-syarat tidak boleh dikenakan dalam kes-kes yang tertentu. Pernyataan yang mengelirukan mengenai negeri asal

(2) Jika keterangan perniagaan demikian termasuk nama sesuatu tempat atau negeri dan adalah dikira mengelirukan mengenai dengan tempat atau negeri jika barang-barang kepada mana ianya digunakan sebenarnya adalah dibuat atau dikeluarkan, dan barang-barang tersebut sebenarnya tidak dibuat atau dikeluarkan dalam tempat atau negeri itu, bab ini tidak boleh dikenakan kecuali jika ada ditambahkan kepada keterangan perniagaan tersebut sebaik-baik sahaja sebelum atau selepas nama tempat atau negeri itu, dengan cara yang sama jelasnya dengan nama itu, nama tempat atau negeri dalam mana barang-barang tersebut sebenarnya dibuat atau dikeluarkan, dengan suatu pernyataan bahawa ianya telah dibuat atau dikeluarkan di sana.

Pengecuali-  
an

**35.** Tiada apa jua pun dalam Akta ini boleh diertikan sebagai boleh mengenakan kepada mana-mana pendakwa atau hukuman mana-mana pekerja bagi seseorang majikan yang menetap di Brunei yang berbuat secara jujur dalam mematuhi arahan-arahan dari majikan demikian, dan atas tuntutan yang dibuat oleh atau bagi pihak pendakwa telah memberi keterangan yang penuh mengenai dengan majikannya dan mengenai arahan-arahan yang telah diterimanya daripada majikannya.

Tanggung-  
jawab  
pengarah  
dan pegawai-  
pegawai  
sesebuah  
syarikat

**36.** Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab 6 atau 17 adalah sesebuah syarikat, setiap pengarah, pengurus, setiausaha dan pegawai lain syarikat tersebut yang mana diketahui adalah pihak kepada kemungkiran tersebut, adalah juga melakukan kesalahan yang sama dan boleh dikenakan hukuman yang sama.

Hukuman

**37.** Sesiapa jua yang melakukan suatu kesalahan di bawah bab 16 atau 17 boleh didenda atas sabit kesalahan sebanyak \$5,000 atau dipenjara selama 2 tahun, dan Mahkamah boleh merampas mana-mana barang kepada mana tanda perniagaan yang mengandungi gambaran yang larang itu digunakan.

Pembicaraan  
bagi  
kesalahan-  
kesalahan

**38.** Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, tanpa menghiraukan apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis, menjatuhkan hukuman penuh dengan mana kesalahan tersebut patut dihukum.